

16/12/2003

Asia Timur harus elak perlumbaan senjata: Dr Mahathir

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

SEOUL: Negara di Asia Timur perlu menentukan masa depan sendiri untuk mencapai kemakmuran, keamanan dan kemajuan dengan menjalin kerjasama ekonomi yang lebih kukuh serta mengelak permusuhan antara satu sama lain.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata perlumbaan senjata perlu dielakkan, sebaliknya menjadikan negara Asia Timur sebagai model bagaimana hubungan erat dan kerjasama mampu memberi kebaikan kepada rakyat.

Beliau berkata, negara terbabit berjaya membuktikan kebangkitan dengan membina ekonomi selepas debu peperangan dan kini perlu bersama-sama menunjukkan kepada dunia bagaimana ia dilaksanakan bagi membantu pihak lain mencapai kejayaan.

Pada masa sama, katanya, negara Asia Timur perlu bersetuju mengurangkan pasukan bersenjata dan senjata canggih, manakala perlumbaan senjata dielakkan menerusi perjanjian.

"Terserah kepada negara Asia Timur untuk menentukan masa depan kerana jika pihak lain boleh berbuat demikian kita juga berhak menentukan masa depan kita.

"Bagaimanapun, penekanan perlu diberikan kepada kerjasama dan bukan seperti Nato (Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara) dalam komuniti Asia Timur. Kita tidak perlu membentuk pakatan pertahanan yang seolah-olah menunjukkan kita ada musuh dan menentanginya.

"Pandangan lama bahawa untuk mencapai keamanan kita perlu bersiap untuk perang adalah tidak benar. Jika kita bersiap untuk perang, bakal musuh juga berbuat demikian.

"Akibatnya berlaku perlumbaan senjata yang meningkatkan ketegangan dan seterusnya mencetuskan perang," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada mesyuarat pertama Forum Asia Timur 'Komuniti Asia Timur - Kemakmuran Keamanan dan Kemajuan di Asia Timur - Cabaran dan Wawasan', di sini semalam.

Mesyuarat forum yang dianggotai 10 negara Asean dan Korea, China serta Jepun dianjurkan Persatuan Perdagangan Antarabangsa Korea.

Ia dihadiri oleh wakil sektor perdagangan, ahli akademik dan perwakilan kerajaan negara terbabit.

Selain Dr Mahathir, Presiden Korea, Roh Moo-hyun turut menyampaikan ucapan.

Pemimpin lain ialah bekas Presiden Korea, Kim Dae-jung; bekas Perdana Menteri Vietnam, Vo Van Kiet dan bekas Perdana Menteri Jepun, Hata Tsutomu.

Seperti kelaziman, Dr Mahathir mengajak negara Asia Timur mengimbas sejarah dan belajar daripadanya, terutama peperangan yang menyebabkan kemusnahan besar dan permusuhan berpanjangan sehingga ke hari ini, sekali gus mewujudkan pergolakan antarabangsa.

Beliau memberi contoh Jerman dan Perancis yang pernah bermusuhan selama beratus-ratus tahun berusaha menghapuskan perang di Eropah selepas Perang Dunia Kedua dengan menjalin kerjasama untuk mewujudkan Kesatuan Eropah.

Ia diikuti kesediaan Perancis membenarkan pasukan tentera Jerman menyertai perbarisan sambutan hari kemerdekaan.

Sehubungan itu, beliau berkata, negara Asia Timur boleh mencontohi Jerman dan Perancis dengan membina hubungan baru berdasarkan kekayaan yang ada dan cara hidup sihat berbanding konfrontasi serta menyiapkan diri untuk berperang.

"Mengenai kebimbangan kuasa besar di luar Asia Timur, kita perlu akur bahawa mereka adalah waras untuk menyedari bahawa Asia adalah terlalu besar untuk mereka kuasai dan perintah, termasuk oleh yang paling kuat di kalangan mereka.

"Justeru, tidak berbaloi untuk kita melengkapkan pasukan dengan senjata berat dan mahal. Sebaliknya, pengaruh ekonomi yang kuat yang ada pada kita boleh digunakan untuk memastikan hak kita.

"Pada masa sama, keamanan dikekalkan dan pertumbuhan ekonomi dipertahankan," katanya.

Beliau berkata, bagi mencapai hasrat itu, fokus perlu diberikan terhadap kerjasama ekonomi dengan fikiran terbuka, seperti yang dicapai menerusi Asean+3, tukaran barang dan pasaran bon Asia serta Perjanjian Perdagangan Bebas Timur Laut Asia Asean (Nafta) yang semuanya menuju ke arah mewujudkan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).